

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 AUGUST 2016

Dr. Mahathir tidak percaya kemampuan orang lain

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Sikap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak percaya kemampuan orang lain jelas terserlah dalam Perlembagaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang ditubuhkan baru-baru ini.

Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (Mapan), Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Kamarul Zaman Yusoff berkata, Dr. Mahathir sebagai Pengerusi diberi tanggungjawab untuk menentukan perjalanan parti tersebut.

Menurut beliau, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Presiden

Pribumi hanya boleh melantik pemimpin-pemimpin parti yang lain setelah berunding dengan Pengerusi.



DR. MAHATHIR

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam temu bual eksklusif bersama portal berita Indonesia, *Metro TV News.com* baru-baru ini

“Semua ini menampakkan Dr. Mahathir mahu mengawal semua orang dan tidak percaya kepada kemampuan orang lain.

“Jika parti ini menang dalam pilihan raya, Presidennya mungkin hanya jadi boneka kepada Dr. Mahathir,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

berkata, Dr. Mahathir obses mengenai kawalan dan mahu menentukan dasar kerajaan walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Mengulas tentang pandangan Perdana Menteri itu, Kamarul Zaman memberitahu, Dr. Mahathir sepatutnya memahami Najib perlu diberi ruang untuk mentadbir kerajaan dengan caranya sendiri.

Beliau menambah, Dr. Mahathir sendiri kurang senang apabila Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mempersoalkan dasar pentadbirannya dahulu.

“Dr. Mahathir boleh memberi nasihat yang sesuai dengan kedudukannya sebagai negarawan tetapi beliau tidak boleh memaksa pihak lain menerima pandangannya,” jelasnya.

Um - 13/8/2016